

Kronologi pelepasan

10 OKTOBER 2007

➤ **9.21 malam**

Pesawat Soyuz membawa tiga angkasawan dilancarkan.

➤ **9.23 malam**

Fasa pertama pemisahan berlaku apabila mencecah kelajuan yang ditetapkan.

➤ **9.32 malam**

Soyuz terpisah sebelum memasuki orbit.

Nota : Setiap orbit akan mengambil masa lebih kurang 90 minit.

** Waktu Malaysia*



Selepas Dilancarkan

➤ Hari 1, Orbit 3

- Enjin dihidupkan bagi menggerakkan Soyuz ke arah stesen dengan mengubah kelajuannya (*Delta Velocity Burn #1 - 'phasing burn'*).

➤ Penerbangan hari 1, Orbit 4

- Enjin dihidupkan lagi (*Delta Velocity Burn #2 -phasing burn* sekali lagi).

➤ Penerbangan hari 2, Orbit 17

- Enjin dihidupkan sekali lagi bagi meletakkan Soyuz pada kedudukan yang sesuai dengan ISS pada esok hari .

➤ Penerbangan hari 3, Orbit 31

- Krew menukar pakaian kepada pakaian angkasa Sokol dan memasuki *Descent Module* yang menempatkan semua kawalan dan bagi aktiviti penerbangan kritikal.
- Krew menutup *hatch Descent Module/Habitation Module*.

➤ Penerbangan hari 3, Orbit 34, 12 Oktober 2007

- Ekspedisi Soyuz ke 16 TMA 11 dijadualkan tiba di limbungan (*dock*) pada hari Jumaat 12 Oktober jam 10.50 malam waktu Malaysia.

- Pendekatan terakhir dan tiba di limbungan (*docking*) dan krew bergerak ke *Habitation Module* dan menanggalkan pakaian Sokol.

➤ Hari 3 Orbit 35

- Tekanan udara di stesen dan Soyuz diselaraskan dan apabila tekanan udara sama di kedua-dua bahagian sama, krew membuka hatch pemindahan dan memasuki stesen.
- Angkasawan masuk ke ISS dan berkenalan dengan angkasawan sedia ada.
- Mula menjalani kehidupan di ISS serta menjalankan kajian saintifik.
- Selepas berada selama 10 hari di ISS, pada 21 Oktober, angkasawan Malaysia akan menyertai krew ke-15 untuk meninggalkan ISS dan kembali ke bumi.